



PROGRESSIVE INSURANCE BHD

Registration No : 197401001891 (19002-P)

LEMBARAN FAKTA PRODUK

KEMALANGAN DIRI PROGRESSIVE Insurans Kemalangan Diri



Kemalangan Diri Progressive melindungi kewangan anda. Anda boleh melindungi dan mengurangkan beban penderitaan insan kesayangan anda. Anda pasti mendapat ketenangan fikiran sepenuhnya, kerana anda tahu, walaupun anda tidak dapat menanggung mereka, kewangan mereka terjamin sepenuhnya. Ketika tempoh pemulihan anda kerana kecederaan akibat kemalangan, Polisi Kemalangan Diri Progressive masih melindungi dan memastikan anda tidak dibebankan dari segi kewangan.

Ciri-ciri Istimewa:

- **Pilihan faedah yang fleksibel.** Pilih saja perlindungan yang anda perlukan. Polisi Kemalangan Diri Progressive menyediakan 6 faedah.
- **Premium tahunan yang sungguh berpatutan.** Untuk perlindungan sepenuhnya, pilih faedah yang sesuai dengan belanjawan dan keperluan anda.
- **Perlindungan 24-jam seluruh dunia**
- **Lanjutan penunggang motosikal**
- **Pengecualian pekerjaan terhad.** Dengan pengecualian pekerjaan yang terhad anda akan menikmati nilai yang lebih dari ciri-ciri rangkaian faedah kami.

PERLINDUNGAN

Produk ini akan membayar pampasan kepada anda bagi kecederaan anggota badan akibat kemalangan yang mana kecederaan ini sepenuhnya dan bebas dari apa-apa sebab lain mengakibatkan anda mengalami hilang upaya atau menyebabkan anda perlu menjalani perubahan dan/atau pembedahan atau berlakunya kematian. Pampasan akan dibayar kepada waris anda yang dinamakan atau wakil diri anda yang sah.

Faedah

- Kematian akibat Kemalangan
- Kehilangan Kekal atau Ketidakupayaan
- Ketidakupayaan Menyeluruh Sementara
- Ketidakupayaan Separa Sementara
- Fi atau Caj Perubatan
- Perbelanjaan Pengebumian dan/atau Repatriasi

ORANG YANG DIINSURANSKAN

Dewasa dari umur 16 tahun sehingga umur 64 tahun. Polisi ini akan terbatal sendiri apabila umur Orang yang Diinsuranskan mencecah 65 tahun.

KLASIFIKASI PEKERJAAN

- Kelas 1: Orang yang terlibat dengan kerja pentadbiran, pengurusan, pengkeranian dan bukan manual tanpa mengira pekerjaan.
- Kelas 2: Orang yang terlibat dengan jenis kerja penyeliaan, perniagaan borong atau selalu mengembara dan yang tugas tidak memerlukan penggunaan perkakas atau jentera atau terdedah kepada sebarang bahaya tertentu.
- Kelas 3: Orang yang terlibat dengan kerja jenis manual yang tidak beberapa berbahaya tetapi memerlukan penggunaan perkakas atau jentera (tetapi bukan jentera pertukangan kayu).

PEKERJAAN YANG DIKECUALIKAN

- Askar
- Anak kapal syarikat penerbangan
- Perobohan
- Juruselam
- Nelayan
- Penguatkuasa Undang-undang
- Pembalak
- Tentera
- Pelombong
- Minyak dan Gas luar persisiran
- Juruterbang
- Sukan atau Perlumbaan
- Pelaut
- Pemunggah muatan kapal
- Membuat terowong
- Koresponden Perang

PENGECUALIAN UTAMA

- Peperangan
- Kegiatan sukan berisiko tinggi
- Keuzuran berkaitan AIDS/ HIV
- Penganasan
- Dadah
- Penyakit yang dijangkiti secara seksual

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca [Helaihan Pemberitahuan Produk](#) sebelum anda memilih untuk mendapatkan perlindungan Insurans ini. Sila baca terma dan syarat utama am.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)